

<b>Headline</b>	<b>Penduduk bergelap, peniaga rugi</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Kelantan)</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Feb 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Page No</b>	<b>18</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>444 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>ROSALWANI CHE</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 10,560</b>		



# Penduduk bergelap, peniaga rugi

Penduduk dan peniaga alami kerugian apabila bekalan elektrik lebihan voltan

ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU - Lebih 100 penduduk termasuk peniaga di Kampung Parit, Pasir Tumboh di sini terpaksa bergelap selepas menghadapi masalah bekalan elektrik lebihan voltan dalam kejadian pagi Isnin lalu.

Seorang peniaga kedai makan, dikenali sebagai Siti, 30, berkata, kejadian kira-kira jam 4.20 pagi menyebabkan lebih lima unit lampu kalimantang yang dipasang di kedai makamnya meletup.

"Kejadian ini merupakan yang pertama kali berlaku sepanjang saya bermiaga di kawasan ini dan ia turut merosakkan penghawa dingin, peti sejuk beku dan televisyen."

"Setakat ini kami telah menggantikan penghawa dingin dengan yang baharu dan ia membelanjakan lebih RM2,000 serta turut menggantikan lampu kalimantang yang meletup.

"Kami telah ajukan perkara ini kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan akan buat laporan polis," katanya.

Sementara itu seorang penduduk Nor Atikah Mamat, 21, perlu menggunakan mesin oksigen untuk bemaafas setiap masa ekoran mengalami masalah saraf dan ber ganitun kepada mesin pernafasan untuk mendapatkan bekalan oksigen menjadinya masalah utama selepas



Komputer riba penduduk rosak akibat masalah lebihan voltan dalam kejadian di Kampung Parit di sini.



Seorang pekerja kedai makan di Kampung Parit menunjukkan peti sejuk rosak selepas kejadian pagi Isnin lalu.

mengalami gangguan bekalan elektrik dipercaya akibat masalah lebihan voltan itu.

Adiknya, Nor Atikah Mamat, 21, perlu menggunakan mesin oksigen untuk bemaafas setiap masa ekoran mengalami masalah kekurangan oksigen dalam paru-paru.

"Ekoran kejadian berkenaan, dua mesin yang digunakan ter-

masuk mesin oksigen dan mesin mengawal suhu oksigen yang digunakan juga rosak dan tidak dapat digunakan lagi.

"Kini kami terpaksa mendapatkan dua mesin baru yang dipinjamkan melalui tabung kebajikan hospital dan kedua-dua mesin itu kosnya bermilai RM45,000.

"Jadi kami berharap masalah

ini dapat diselesaikan ekoran ia menyebabkan kami terpaksa memanggang kerugian akibat kejadian itu dan turut mengundang masalah kepada golongan pesakit kronik yang perlukan bekalan elektrik ekoran terpaksa bergantung kepada mesin oksigen dan harap dapat pampasan sewajarnya daripada TNB," katanya.

Pengurus Besar TNB Kelantan, Datuk Ir. Md Yuslan Md Yusoff ber kata, pihaknya ada menerima laporan berhubung kerosakan sistem pemasangan TNB.

Menurutnya, pihaknya kini telah pun membaiki sistem terbabit dan turut akan mengambil tindakan susulan terhadap tuntutan pampasan penduduk.